

M. Sc. (Information Studies) Di Leeds Metropolitan University

Tahun 1994/1995

Nor Edzan Che Nasir

Pustakawan

Perpustakaan Undang-Undang

Universiti Malaya

Abstrak: Penulis makalah ini telah berpeluang bercuti belajar di Leeds Metropolitan University. Beliau memberi maklumat mengenai kandungan kursus sarjana yang diikutinya dan pengalaman pengajian beliau selama setahun di Leeds.

Katakunci: Leeds Metropolitan University, M. Sc. (Information Studies).

Abstract: The writer was on study leave at Leeds Metropolitan University. She provides information on the contents of the master's course which she did and her study experience during the year she was at Leeds.

Keywords: Leeds Metropolitan University, M. Sc. (Information Studies).

[**Title in English:** M. Sc. (Information Studies) at Leeds Metropolitan University, 1994/1995]

1. Pengenalan

Leeds merupakan bandaraya ketiga terbesar selepas London dan Birmingham di United Kingdom. Ia menjadi pusat pemerintahan West Yorkshire County dan merupakan pusat kewangan dan perbankan terama selepas London. Di bandaraya ini terdapat 27 buah bank United Kingdom dan antarabangsa beroperasi dalam bidang perkhidmatan perbankan dan kewangan. Disamping itu terdapat juga berpuluhan buah syarikat kewangan berlesen dan syarikat insuran yang menawarkan perkhidmatan kewangan dan pengurusan perniagaan kepada para pelanggan tempatan dan antarabangsa. Perkembangan bidang kewangan di Leeds adalah kerana ianya terkenal dalam bidang perdagangan serta industri perkilangan dan pembuatan lebih seratus tahun lamanya. Bandaraya ini juga mempunyai tempat-tempat bersejarah, kompleks membeli-belah, taman-taman bunga serta taman tanaman tropika, kawasan khas pejalan kaki di tengah-tengah bandaraya dan muzium industri.

Pusat bandaraya Leeds mempunyai 721,000 orang penduduk. Namun begitu, jumlah penduduk di keseluruhan kawasan Metropolitan Leeds melebihi 1.5 juta orang. Para penduduknya merangkumi pelbagai bangsa, keturunan, agama dan bahasa. Terdapat pelbagai rumah ibadat untuk para penganut Kristian, Islam, Sikh, Yahudi, Hindu dan lain-lain agama.

Leeds terletak di tengah United Kingdom dan dihubungkan dengan sistem pengangkutan yang merangkum darat dan udara. Rangkaian lebuhraya, keretapi dan udara menghubungkan Leeds dengan

kesemua bandaraya dan destinasi di United Kingdom.

Terdapat dua buah universiti di Leeds, iaitu Leeds University dan Leeds Metropolitan University. Di samping itu terdapat juga berpuluhan buah kolej serta pusat pengajian lanjutan, vokasional dan teknikal. Kesemua pusat pengajian tinggi ini menawarkan kursus dalam pelbagai bidang kepada para pelajar dari dalam dan luar negeri.

2. Leeds Metropolitan University (LMU)

Leeds Metropolitan University merupakan salah sebuah universiti baru yang ternama di United Kingdom dan mempunyai lebih kurang 20,000 orang pelajar. Ia menawarkan kursus sepenuh masa dan separuh masa dalam pelbagai bidang di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Para pelajarnya terdiri daripada berbagai bangsa dan agama. Sebelum mencapai taraf universiti, LMU dikenali sebagai Leeds Polytechnic yang telah ditubuhkan pada kurun kesembilan belas bagi membekalkan tenaga-tenaga pakar dalam bidang pengurusan, sains dan teknologi. Pada masa tersebut ia telah mengadakan kursus-kursus dalam bidang pengurusan, sains dan teknologi di peringkat sijil, diploma, sarjana muda dan sarjana. Pemberian taraf universiti dalam tahun 1990 telah mengubah kedudukan LMU sebagai universiti contoh atau 'model university' di United Kingdom. Kebanyakan lulusan LMU berkhidmat dalam bidang pengurusan, kejuruteraan, pendidikan, perundangan, perakaunan,

bahasa, kebudayaan, komputer dan perundingan pakar.

LMU menerokai bidang kerjasama, perundingan pakar, persyarikatan dan kaji-selidik pembangunan perdagangan dan industri dengan sektor awam dan swasta. Ia juga berjaya membangunkan Skim Syarikat Pembelajaran, di mana LMU memberikan tenaga-tenaga pakar bagi sesuatu projek dan pihak swasta pula menanggung pembiayaannya. Skim ini telah menghasilkan kejayaan konsep persyarikatan di United Kingdom. Kebanyakan firma swasta Britain dan Eropah menggunakan kepakaran LMU dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pembangunan industri, pemindahan teknologi, perjanjian dan perlesenan.

Terdapat 6 buah fakulti serta unit di LMU - Faculty of Business, Faculty of Cultural and Education Studies, Faculty of Design and Built Environment, Faculty of Health and Social Care, Faculty of Information and Engineering Systems, Centre for Language Learning, dan Access and Independent Study.

LMU mempunyai tiga buah kampus - dua buah kampus di bandaraya Leeds dan sebuah lagi di Beckett Park. Setiap kampus mempunyai prasarana dan kemudahan lengkap, termasuk perpustakaan sendiri. Setiap perpustakaan mengandungi lebih 500,000 buah buku dan majalah, lebih kurang 2,000 tajuk jurnal dan sumber data elektronik. Kampus Beckett Park juga mempunyai kompleks sukan serta pusat rawatan sukan yang terkenal di United Kingdom.

Universiti ini juga mengambil berat tentang hal ehwal pelajarnya. LMU menyediakan berbagai perkhidmatan dan bantuan seperti Pejabat Hal Ehwal Tempat Kediaman, Perkhidmatan Kewangan, Perkhidmatan Kerjaya, Perkhidmatan Pelbagai Agama, Perkhidmatan Penjagaan Kanak-kanak, Perkhidmatan Kaunseling, Kedai Kerjaya, dan Penyelaras Para Pelajar Cacat Anggota. Pejabat Pembangunan Pelajar Antarabangsa dengan kerjasama Majlis Pelajar Luar Negeri Leeds membantu para pelajar luar negeri mengatur program lawatan sambil belajar, keluarga tamu, melawat tempat dan lokasi bersejarah, dan minggu suaikenal. Di samping itu Kesatuan Pelajar LMU sangat aktif dalam kegiatan sosial, ekonomi dan program-program yang mengeratkan lagi perpaduan pelajar-pelajar universiti.

3. Master of Science (Information Studies)

Pengajian ini diselenggarakan oleh School of Information Management yang di bawah bidang kuasa Faculty of Information and Engineering Systems. Untuk mengikuti kursus ini, seseorang itu mestilah mempunyai ijazah sarjana muda dalam sebarang bidang, dengan sekurang-kurangnya 12 bulan pengalaman bekerja di perpustakaan, biro maklumat atau mana-mana organisasi pengurusan maklumat.

3.1 Objektif

Objektif utama kursus ini ialah untuk:

- a) Menambah pengetahuan pelajar dan kepakaran dalam bidang teknologi maklumat.
- b) Mendorong para pelajar menerokai bidang-bidang bersangkutan bagi meningkatkan mutu kerjaya dan prestasi kerja.
- c) Meningkat pemikiran positif dan inovatif dalam bidang teknologi maklumat.
- d) Mengembang kemahiran pelajar dalam bidang perolehan, analisis, penilaian, sintesis, penggunaan dan perhubungan berkait dengan data, maklumat dan pendapat.

3.2 Struktur dan Kurikulum

- a) Kursus asas tanpa penilaian
- b) Modul wajib untuk dua matapelajaran penuh dan empat matapelajaran separa penuh
- c) Modul pilihan untuk tiga matapelajaran penuh
- d) Disertasi

Tahun pengajian terbahagi kepada dua semester, iaitu semester I yang bermula daripada penghujung bulan September sehingga penghujung bulan Januari dan semester II yang bermula daripada awal bulan Februari sehingga penghujung bulan Jun secara sepenuh masa.

Modul-modul wajib diajar pada semester I dan merangkumi matapelajaran-matapelajaran berikut:

- a) Information and Society
- b) The Information Cycle
- c) Introduction to Management

- d) Communication Skills
- e) Research Methods
- f) Analysis of Information Systems

Bagi semester II, setiap pelajar hanya perlu mengambil 3 modul sahaja. Modul-modul pilihan yang diajar pada semester II ialah:

- a) Community Librarianship
- b) Business, Commerce and Industry
- c) Science and Technology
- d) Managing People
- e) Planning and Marketing Information Services
- f) The Management of Change
- g) Text Processing Systems
- h) Information Services
- i) Cataloguing and Indexing

3.3 Disertasi

Penyediaan bahan-bahan untuk disertasi dilakukan dalam masa empat bulan. Setiap bahan dan hasil kerjadianalisa, dihujah dan dikupas secara mendalam bagi menyediakan satu disertasi yang mantap bagi penganugerahan ijazah M. Sc. (Information Studies). Tajuk dan bidang pengkhususan bagi penyediaan disertasi perlu dibincangkan dan dipersetujui oleh Penyelia Kursus serta para pensyarah kanan Universiti.

4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kursus M.Sc. (Information Studies) di LMU ini sangat berfaedah dan bermanfaat bagi mendapat pengetahuan mendalam dalam bidang teknologi maklumat dan sains perpustakaan. Penulis telah didedahkan kepada

teknologi maklumat terkini dan bermacam sistem komputer yang terdapat di United Kingdom. Setiap pelajar diberi pendedahan mendalam kepada sistem telekomunikasi terkini. Makmal -makmal komputer di Universiti ini adalah di antara yang terbaik di United Kingdom.

Pada penghujung minggu, penulis telah berpeluang melawat dan meninjau beberapa buah perpustakaan di bandaraya Leeds dan kawasan-kawasan sekitarnya - Bradford, York, Manchester, Newcastle, Sheffield, Hull dan London. Lawatan-lawatan ini telah menambah pengetahuan penulis dalam bidang pengurusan perpustakaan di United Kingdom serta memberi kesempatan kepada penulis untuk bertukar-tukar fikiran dan mendapat penerangan lanjut daripada pegawai dan kakitangan di perpustakaan-perpustakaan tersebut. Masalah terbesar yang dihadapi oleh kebanyakan perpustakaan di United Kingdom ialah kekurangan sumber kewangan akibat polisi Kerajaan British yang memotong bantuan kewangan kepada institusi pengajian tinggi dan perkhidmatan sosial. Akibat kekurangan sumber kewangan, perpustakaan-perpustakaan ini membatalkan langganan majalah dan mengurangkan pembelian buku-buku baru. Namun begitu, mereka telah mewujudkan konsep 'Pinjaman Antara Perpustakaan' bagi menangani masalah kekurangan sumber kewangan. Konsep ini sangat berjaya di United Kingdom kerana mereka sering bekerjasama dan mengamalkan sikap bantu membantu di antara satu sama lain.

Penulis akan menggunakan segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi dalam masa 14 bulan di United Kingdom untuk kemajuan Perpustakaan Universiti Malaya. Penulis juga akan memanfaatkan segala yang dipelajari bagi meningkatkan mutu kerja dan prestasi tugas.